

28 JUN 1998

Samy - Air

MESYUARAT PERTAMA MAJLIS AIR NEGARA ESOK BINCANG DUA ISU

IPOH, 28 Jun (Bernama) -- Mesyuarat pertama Majlis Air Negara (MAN) esok dijadual membincangkan dua kertas kerja penting bagi merancang bekalan air negara untuk tempoh 25 tahun akan datang, kata Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S. Samy Vellu.

Beliau berkata, mesyuarat itu yang akan dipengerusikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Jabatan Perdana Menteri, akan dihadiri oleh semua Menteri Besar dan Ketua Menteri.

Satu daripada kertas kerja itu membabitkan penubuhan MAN dan aktivitinya serta di mana MAN akan ditempatkan dan kementerian yang bertanggungjawab, katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat agung tahunan ke-34 Koperasi Guru-guru Sekolah India Perak Bhd di sini hari ini.

Samy Vellu berkata, MAN juga akan membincangkan beberapa projek jangka panjang bagi menjaga kepentingan bekalan air pada masa depan.

Beliau berkata, kertas kerja kedua pula membabitkan laporan perunding yang dilantik oleh kerajaan dalam mengenal pasti sumber air sedia ada, jumlah kegunaan sekarang serta negeri-negeri yang mempunyai punca sumber air untuk dibekalkan kepada negeri yang menghadapi masalah bekalan.

Menurut beliau, kerajaan mengambil berat masalah bekalan air negara dengan menubuhkan MAN kerana negara tidak mampu lagi menghadapi krisis air seperti yang dihadapi oleh kawasan sekitar Lembaga Klang.

"Oleh itu, kerajaan perlu menetapkan peruntukan bagi melaksanakan projek-projek bekalan air baru, tempoh bagi memulakan projek itu selain memutuskan kadar bayaran yang perlu dibayar kepada negeri-negeri yang membekalkan air kepada negeri lain," katanya

Ketika berucap pada majlis itu, Samy Vellu yang juga Pengerusi MIC meminta masyarakat keturunan India menabung termasuk menganggotai badan-badan koperasi demi kepentingan pendidikan anak mereka.

Menurutnya, kos pendidikan tinggi semakin meningkat dan pelajar yang kurang bersedia daripada segi kewangan tidak akan mendapat tempat di pusat-pusat pengajian tinggi.

"Walaupun kerajaan menyediakan tabung pendidikan tinggi untuk mereka kurang mampu, tetapi tabung itu tidak dapat menampung yuran kepada setiap pelajar," katanya.

-- BERNAMA

LAT MAI